

KEMBALI BERKHIDMAT DI TANAH AIR

BAGI pensyarah di Jabatan Pengurusan Pembinaan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, UTHM, Dr Norpadzlihatun Manap, peluang melanjutkan pengajian ‘Split PhD’ di bawah ‘Malaysia Imperial Doctorate Programme (MIDP)’, sebuah jalinan usahasama peringkat kedoktoran di antara Imperial College London (ICL) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), berpendapat, adalah menjadi tanggungjawab kepada setiap pelajar Malaysia di universiti luar negara terutamanya yang berada di bawah tajaan untuk kembali berkhidmat di tanah air.

“Ini bukan sahaja disebabkan tuntutan perjanjian yang termeterai di antara pelajar dan penaja, tetapi juga faktor tenaga dan kepakaran yang sangat diperlukan untuk pembangunan negara Malaysia pada masa kini.

“Pengalaman di luar negara boleh dicari semasa masih bergelar pelajar lagi, cuma bergantung kepada bagaimana pelajar tersebut menyusun masa sebaik-baiknya untuk merebut peluang yang mendatang,” jelasnya.

Hasil pengalaman sepanjang bergelar pelajar, Dr Norpadzlihatun telah merangkul beberapa anugerah penyelidikan dan inovasi di peringkat antarabangsa serta menerbitkan beberapa kertas kajian



Bersama sebahagian rakan pelajar sepengajian dari ICL dan M.I.T serta fasilitator program, 2011.

di dalam jurnal yang berimpak tinggi sejak kembali berkhidmat di UTHM pada 2013.

“Ini adalah salah satu cara untuk menyumbang kembali kepada tanah air, selain berkhidmat untuk mendidik anak bangsa,” jelasnya yang kini sekali lagi diberi peluang menyambung pengajian ke peringkat pasca kedoktoran di dalam bidang sama di ICL selama dua tahun bermula Januari 2019.